

Pembinaan Modul Program Pembangunan Sukan Dan Riadah Pelajar Tahun Satu Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.

Hassan Bin Hushin & Mohd Aidil Bin Misren

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Projek ini adalah berkaitan dengan pembinaan modul Program Pembangunan Sukan Dan Riadah Pelajar Tahun Satu Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia untuk panduan Jawatankuasa *First Year Experience* (FYE) Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. Modul ini dibina berdasarkan kepada cadangan daripada kajian yang telah dijalankan bertajuk “Pilihan dan Bentuk Aktiviti Program Pembangunan Pelajar Tahun Satu Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia: Satu Tinjauan” oleh Ahmad Nawawi Bin Adnan (2007). Modul ini dibina mengikut Model Drum (1981) yang memberi penekanan kepada tiga unsur untuk membangunkan program yang berkualiti. Diharap modul ini akan dapat membantu pihak Jawatankuasa FYE Fakulti Pendidikan UTM menjalankan program dengan lebih lancar serta dapat membantu melahirkan generasi pelajar yang cergas, cerdas, tangkas serta memiliki daya saing dan juang yang tinggi dengan mengambil bahagian dalam aktiviti sukan dan riadah.

Katakunci : modul program pembangunan sukan dan riadah

Pengenalan

Pembangunan merupakan satu perkara yang perlu dilalui oleh manusia dalam satu keadaan tertentu. Pembangunan yang seimbang adalah pembangunan dari segi kebendaan dan kerohanian dan konsep pembangunan itu sendiri membawa matlamat untuk membaiki taraf hidup. Oleh itu, konsep pembangunan pelajar sangat berkait rapat dengan pembangunan manusia atau insan (Abd. Jalil, 1999) yang juga perlu dikaitkan dengan kualiti hidup pelajar dan seharusnya mampu menangani hal-hal yang berkaitan dengan permasalahan pelajar sama ada berkaitan dengan fizikal, mental mahupun kerohanian. Oleh itu pembangunan pelajar perlu dirancang dengan teliti agar dapat membentuk insan yang seimbang dan harmonis, sesuai dengan Falsafah Pendidikan Negara

Pembangunan pelajar yang ditubuhkan ini bukan sahaja dilihat dari segi kesediaan untuk membimbing pelajar dari segi mental dan sosial malahan ia juga berperanan untuk mewujudkan suasana kehidupan harmonis dan terbela di kalangan pelajar dengan mengamalkan budaya hidup kampus yang berkualiti. Selain itu, penubuhan pembangunan pelajar adalah untuk membantu serta membimbing pelajar khususnya dalam memperkukuhkan dan memperkayakan ilmu pengetahuan, serta memupuk nilai murni dan sikap proaktif.

Dalam melaksanakan program pembangunan yang berkesan, perancangan haruslah berasaskan kepada teori dalam merangka tindakan bagi mencapai matlamat pembangunan. Menurut Barr dan Keating (1991) terdapat tiga elemen yang perlu diberi perhatian kepada perancang program pembangunan pelajar bagi memastikan program yang dijalankan dapat memberikan impak yang positif.

- i. Konteks
- ii. Tujuan
- iii. Perlaksanaan

Pernyataan Masalah

Berdasarkan kepada latar belakang masalah di atas, jelas masih belum ada modul yang dibina khususnya untuk pelajar tahun satu yang sistematik membabitkan sukan dan riadah. Maka modul yang dibentuk ini akan membantu merancang satu program yang akan membantu pelajar tahun satu semasa mereka berada di Universiti Teknologi Malaysia.

Objektif Pembangunan Modul

Daripada pembangunan modul yang dibina ini, ia diharap dapat member sumbangan kepada pihak pengurus universiti untuk menjalankan satu program yang dapat dijalankan melibatkan pelajar-pelajar tahun satu Fakulti Pendidikan UTM.

1. Membantu pelajar mendalami kepentingan sukan dan riadah dalam kehidupan mereka.
2. Memberi kesedaran kepada pelajar dengan melakukan aktiviti sukan dan riadah, ia dapat membantu meningkatkan imuniti dan melindungi badan dari penyakit.
3. Membantu pelajar meningkatkan jati diri mereka dan mengamalkan gaya hidup sihat
4. Membantu pelajar menjadi seorang insan yang cemerlang dalam semua aspek jasmani, emosi rohani dan intelek.

Pembangunan Reka bentuk Program.

Pengenalan

Reka bentuk program merupakan satu cadangan untuk melaksanakan modul pembangunan sukan dan riadah. Perancangan sesuatu program boleh dijalankan dengan sendiri mengikut kesesuaian dan ia juga boleh digabungkan dengan program pembangunan modul yang lain iaitu:

- i. Pembangunan Sahsiah (Mohd Suhaimi bin Khalid, 2008)
- ii. Pembangunan Kepimpinan (Mohammad Rudzuan bin Mohd Nor, 2008)
- iii. Pembangunan Akademik (Maznah bte Che Don, 2008)
- iv. Pembangunan Kerjaya (Mohd Earmee bin Sofian, 2008)
- v. Pembangunan Kemasyarakatan (Siti Syatriyah bt Mohd Zohdi, 2008)

Pembangunan reka bentuk program ini telah menilai program yang boleh dijalankan mengikut kesesuaian Pembangunan Sukan dan Riadah. Antara program yang dirancang ialah:

- i. Program “*Welcome Week*” di Fakulti Pendidikan.
- ii. Pembangunan Sukan dan Riadah (Pengurusan berat badan & *Jungle Tracking*)

Program *Welcome Week*

Program “*Welcome Week*” adalah merupakan minggu suai kenal pelajar tahun satu dengan Fakulti Pendidikan UTM. Rancangan program pada minggu ini adalah di sesuaikan mengikut unit modul pembangunan sahsiah (Mohd Suhaimi bin Khalid, 2008), pembangunan kepimpinan (Mohammad Rudzuan bin Mohd Nor, 2008), pembangunan akademik (Maznah bte Che Don, 2008), pembangunan kerjaya (Mohd Earmee bin Sofian, 2008), pembangunan kemasyarakatan (Siti Syatriyah bt Mohd Zohdi, 2008) dan pembangunan sukan dan riadah.

Jangka masa program

TARIKH KURSUS	: Minggu Kedua Selepas MHS
TEMPOH MASA	: 3 Hari 2 malam
TEMPAT	: Hutan Rekreasi UTM

TENTATIF PROGRAM

Hari pertama (Jumaat)

- 2.30 – 3.30 Petang : Pendaftaran
- 3.30 – 5.00 Petang : Taklimat Program
- 5.00 – 7.00 Petang : Rehat dan makan malam
- 7.00 – 9.00 malam : Solat/kuliah maghrib/ Aktiviti Moral
- 9.00 – 11.00 malam : Mencari Rakan dan Membentuk Kumpulan
(Pembangunan kemasyarakatan)

Hari Kedua (Sabtu)

- 5.30 – 7.00 Pagi : Solat subuh / kuliah subuh
- 7.00 – 8.00 Pagi : Senaman Pagi
- 8.00 – 9.00 Pagi : Sarapan pagi
- 9.00 – 10.30 pagi : Menjana Kecemerlangan Akademik
(Pembangunan Akademik)
- 10.30 – 12.30 Tghri : Pengurusan Diri Mahasiswa
(Pembangunan Sahsia)
- 12.30 – 2.00 petang : Rehat / makan tengah hari/ Solat zuhur
- 2.00 – 3.30 petang : Pengurusan Pembelajaran Secara Efisien
(Pembangunan Akademik)
- 3.30 – 4.30 petang : **Badan Cergas Otak Cerdas**
(Pembangunan Sukan dan Riadah)
- 4.30 – 5.30 tghri : Minum Petang / Solat Asar
- 5.30 – 6.15 ptg : **Bersenam Sambil Menguji Kepantasan**
(Pembangunan Sukan Dan Riadah)
- 6.15 – 9.00 mlm : Makan Malam / Solat
- 9.00 – 11.00 mlm : Kepimpinan Berkesan
(Pembangunan Kepimpinan)

Hari Ketiga (Ahad)

- 5.30 – 7.00 Pagi : Solat subuh / Kuliah subuh
- 7.00 – 8.00 Pagi : Senaman Pagi
- 8.00 – 9.00 Pagi : Sarapan pagi
- 9.00 – 9.45 pagi : Bengkel Pembangunan Diri dan kerjaya
(Pembangunan Kerjaya)
- 9.45 – 10.45 pagi : Ujian Personaliti
(Pembangunan Kerjaya)
- 10.45 – 11.00 pagi : Minum pagi
- 11.00 - 12.00 tgahari : Ujian Minat kerjaya
(Pembangunan Kerjaya)
- 12.00 – 1.00 tgahari : Penutup
- 1.00 petang : Jamuan/ bersurai

Pembangunan Sukan dan Riadah

(Pengurusan berat badan & *Jungle Tracking*)

Pembangunan sukan dan riadah yang dijalankan merujuk kepada dua unit modul yang telah di bina membabitkan modul pengurusan berat badan dan *jungle tracking*. Pemilihan modul

ini adalah membantu pelajar untuk menikmati kehidupan luar kampus selain dapat memanfaatkan modul pembangunan yang dijalankan ke atas mereka.

Jangka masa program

TARIKH KURSUS : Semester 2.
MASA : 8.00 pagi- 6.00 petang
TEMPAT : Perigi Aceh, Pasir Gudang.

TENTATIF PROGRAM

8.00 – 9.30 : Bertolak dari UTM ke Perigi Aceh.
9.30 – 10.00 : Sarapan Pagi
10.00- 10.30 : Taklimat program
10.30 – 12.00 : Pengurusan Berat Badan
12.00-2.00 : Makan tengah hari/ solat zuhur
2.00- 5.00 : *Jungle Tracking*
5.00-6.30 : Mandi/ solat/ minum petang
6.30- 8.00 : Bertolak ke UTM.

Perbincangan

Pembinaan modul program pembangunan pelajar adalah merupakan suatu usaha untuk membantu pelajar tahun satu dalam menyesuaikan diri dengan kehidupan serta membantu melahirkan pelajar tahun yang sentiasa bergiat cergas dalam aktiviti sukan dan riadah. Pembangunan modul yang dijalankan ini, adalah satu usaha untuk membantu Jawatankuasa Pembangunan Pelajar Tahun Satu (FYE) dalam menyediakan satu aktiviti yang dapat mencambah pemikiran agar pelajar tahun satu dapat meningkatkan kemahiran berfikir serta membentuk sikap dalam diri pelajar.

Pembangunan modul sukan dan riadah adalah merupakan salah satu elemen pembangunan pelajar yang diketengahkan oleh Ahmad Nawawi (2007) dalam kajiannya yang menggariskan bahawa program pembangunan pelajar dibahagikan kepada lima kategori iaitu:

- i. Pembangunan Sahsiah
- ii. Pembangunan Kepimpinan
- iii. Pembangunan Akademik dan Kerjaya
- iv. Pembangunan Kemasyarakatan
- v. Pembangunan Sukan dan Riadah

Melalui program pembangunan pelajar, pembangun hanya menumpukan kepada pembangunan sukan dan riadah sahaja. Sukan dan riadah merupakan suatu aktiviti yang baik untuk kesihatan diri. Selain daripada meningkatkan tahap kecergasan diri, ianya juga mampu mengurangkan risiko serangan penyakit terutamanya yang melibatkan penyakit kardiovaskular. Amalan yang sihat ini perlu dijadikan salah satu daripada aktiviti harian secara berterusan.

Dalam membangunkan modul sukan dan riadah, pembangun telah menggunakan teori penglibatan pelajar Astin dan Teori Pembentukan identiti Arthur Chickering. Teori yang digunakan dapat membantu memberi kefahaman yang lebih jelas mengenai prinsip penglibatan pelajar dan pengaruh persekitaran.

Model Drum (1981) digunakan untuk membantu membangunkan modul sukan dan riadah. Melalui model ini, untuk membangunkan program pelajar yang berkualiti unsur yang harus di ambil perhatian ialah tujuan/matlamat, sasaran program dan kaedah yang akan dijalankan.

Di dalam menyediakan modul pembangunan sukan dan riadah ini, beberapa perkara telah diambil kira untuk memastikan kesesuaian modul yang dibangunkan. Antaranya ialah:

i. Umur

Kesesuaian sesuatu aktiviti yang direncanakan di dalam sesuatu modul haruslah mengikut kesesuaian umur pelajar tersebut. Boleh dinyatakan perbandingan antara pelajar yang berumur 7 tahun dan 20 tahun adalah berbeza dari segi aktiviti.

ii. Fizikal

Faktor fizikal pelajar tahun satu adalah merupakan aset dalam pembangunan modul. Dengan ini, pembangun telah menyediakan satu modul khas untuk pelajar yang memiliki tubuh badan yang dikategorikan sebagai obesiti untuk mencegah keadaan ini berterusan.

iii. Modul khas untuk pembangunan Pelajar Tahun Satu *First Year Experience*.

Pada masa ini masih belum ada modul yang digunakan untuk membantu pelajar tahun satu didalam sesebuah program. Ini kerana *First Year Experience* Fakulti Pendidikan masih baru dan secara tidak langsung dapat memberi sumbangan kepada Fakulti Pendidikan khususnya.

iv. Pengubahsuaian.

Pengguna atau fasilitator boleh meminda atau mengubah apa sahaja kandungan modul yang terkandung di dalam pembangunan ini jika memerlukannya. Ini adalah bertujuan mempermudah pengguna atau fasilitator menjadikan modul yang akan dihasilkan lebih terkini dan mantap dari segi penggunaannya.

Rujukan

- Astin, A.W (1985). *Achieving Educational Excellence*. San Francisco, California: Jossey-Bass
- Barr, M.J & Cuyjet, M.j (1991). *Programe Development And Implementation In T.k Miller, RB Winston, Jr & Associates, Administration And Leadership In Student Affairs* (pp 706-739) Muncie, IN: Accelerated Development
- Berita Harian (2007). BPG Sedia Panduan Piawaian Kualiti Guru. 05 Julai 2007 Chek Mat, 2001. "Pengurusan Rekreasi". Kuala Lumpur :Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd
- Daryl Siendentop (1994). *Sport Education*". Ohio State University : Japan.
- Dewan Bahasa & Pustaka (2005) "Kamus Dewan". Kuala Lumpur : Percetakan Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Evans, N.J, Fornet, D.S Guido-Dibirto F (1998). *Student Development In College Theory, Research and Practice*. San Fransico, California' Jossey-Bass.
- Harian Metro (2008). 30 Peratus Pelajar Gemuk, Ramai Tidak Babitkan Diri Dalam Sukan. Agensi-05 Mac 2008.
- Hurst & Jacobson (1985). A Conceptual model of intervention strategies. In W.H.Morrill, J.C.Hurst, E.R. Oetting, et al., *Dimensions of intervention for student development* (pp.85-95), New York: Wiley
- Jamaludin Mohiadin (1998). *Penggunaan Komputer Di Dalam Pengajaran Individu*". Pulau Pinang : Pusat Teknologi Pendidikan dan Media Universiti Sains Malaysia.
- Komives, S.R et. Al (2003). *Student Services A Handbook For The Profession*. San Francisco, California : Jossey- Bass.
- Mohd Suhaimi bin Khalid (2008). *Pembinaan Modul Program Pembangunan Sahsiah Pelajar Tahun Satu Fakulti Pendidikan Universiti teknologi Malaysia*. UTM
- Muhamad Sayuti (2001). *Faktor Yang Mempengaruhi Penglibatan Atlit Universiti Teknologi Malaysia dalam Bidang Sukan*.

- Norli binti Zahari (2004). Modul Pembelajaran Kendiri Bertajuk: Kursus Pra Perkahwinan Islam.: UTM
- Roslina Ismail (2002). Faedah yang Diperolehi Apabila Menceburkan Diri Dalam Aktiviti Fizikal Dan Senaman. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Sapora Sipon (2001). Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan: Pengetua, Dinamika Pengurusan dan Kepimpinan Sumber Manusia Di Sekolah. Penerbitan IAB: Genting Highlands.
- Shaharom Noordin (1993). Modul Pembelajaran Komputer: Satu Inovasi Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran. Jurnal Akademik maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka.
- Vasudevan T. Arasoo (1991). Sosiologi Sukan. Petaling Jaya : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Yaakub Isa (1996). Matlamat Pendidikan. Kuala Lumpur : Berita Publishing Sdn. Bhd.